Salah satu matlamat utama pendidikan di sekolah rendah adalah memastikan perkembangan potensi murid secara menyeluruh merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Ini bertujuan untuk melahirkan individu yang seimbang, harmonis dan berakhlak mulia (Ainun Rahmah et. al., 2017). Bagi memastikan semua kanak-kanak mendapat pendidikan asas, kerajaan telah mewajibkan pendaftaran murid berusia enam tahun ke sekolah rendah seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/2002. Tempoh pendidikan wajib di sekolah rendah adalah enam tahun dan ibu bapa bertanggungjawab memastikan anak-anak mereka terus mengikuti pendidikan sehingga tamat.

Dalam sistem pendidikan Malaysia, kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) diberikan keutamaan di peringkat sekolah rendah terutama dalam Tahap Satu (Tahun Satu hingga Tahun Tiga). Penguasaan kemahiran ini menjadi asas kepada pembelajaran yang lebih kompleks di peringkat seterusnya. Namun, murid yang gagal menguasai kemahiran membaca sering menghadapi kesan psikologi seperti kurang keyakinan diri (Aliza Ali, et.al., 2016).





Bagi menangani masalah ini, KPM telah memperkenalkan pelbagai inisiatif sejak 1981. Antara usaha awal ialah pelaksanaan program pemulihan khas bagi murid Tahap Satu yang mengalami kesukaran dalam menguasai kemahiran 3M. Pada 1986, Kurikulum Baru Sekolah Rendah diperkenalkan sebelum digantikan dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang lebih menekankan pendekatan menyeluruh dalam pengajaran dan pembelajaran. Matlamat KBSR adalah untuk membentuk individu yang seimbang dari segi pengetahuan, kemahiran dan nilai melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum (Anis Farhana, 2019).

Pada 2011, KSSR pula diperkenalkan dengan penekanan terhadap pembentukan murid yang kreatif, kritis, inovatif serta memiliki kemahiran insaniah sebagai persediaan menghadapi cabaran abad ke-21. Bagi menyokong keberkesanan KSSR, KPM turut melaksanakan Program Pemulihan Khas yang membabitkan guru pemulihan bersama guru mata pelajaran bahasa Melayu dan matematik bagi membimbing murid secara lebih khusus. Antara program lain yang diperkenalkan termasuk KIA2M yang bertujuan membantu murid Tahap Satu yang mengalami kesukaran dalam kemahiran 3M (AK Jamian, 2016).

Selain itu, kerajaan turut melaksanakan Program LINUS (Literasi dan Numerasi) pada 2010 sebagai sebahagian daripada pelan NKRA pendidikan. Walau bagaimanapun, program ini dihentikan pada 2019 dan sekolah diminta meneruskan usaha meningkatkan literasi dan numerasi secara individu dengan sokongan modul-modul LINUS sedia ada. Inisiatif lain seperti Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN) turut





diperkenalkan bagi memastikan murid menguasai sekurang-kurangnya Tahap Penguasaan Tiga dalam matematik, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Bermula 2022, KPM melaksanakan Program Pemerkasaan Pelaksanaan Kurikulum (KPMPerkasaKU) yang memberi penekanan terhadap pemugaran literasi dan numerasi. Program ini melibatkan ibu bapa sebagai rakan strategik dalam pengajaran dan pembelajaran murid. Murid Tahap Satu juga dibekalkan dengan modul asas literasi dan numerasi bagi membantu mereka menguasai kemahiran asas 3M. PBD turut digunakan bagi memantau perkembangan pembelajaran murid secara berterusan (Ashmad, 2018).

Selain intervensi di sekolah, kerajaan turut menggalakkan budaya membaca melalui program seperti Jom Baca 10 Minit dan NILAM. Membaca bukan sekadar satu aktiviti asas tetapi juga proses yang membantu meningkatkan pemahaman dan kecerdasan emosi serta intelektual (Razali dan Ayod, 2018). Namun, meskipun pelbagai langkah telah diambil, tahap literasi di Malaysia masih ketinggalan berbanding negara lain. Dalam konteks SJKT, cabaran utama yang dihadapi ialah penguasaan kemahiran membaca dalam bahasa Tamil. Murid-murid Tahun Satu hingga Tahun Tiga didapati mengalami kesukaran dalam membaca sebelum mereka melangkah ke Tahap Dua.

Bahasa Tamil bukan sahaja diajar di SJKT tetapi juga di sekolah kebangsaan serta beberapa institusi pengajian tinggi. Oleh itu, penguasaan bahasa ini amat penting bagi memastikan murid-murid mampu memahami dan menggunakan bahasa dengan baik dalam komunikasi lisan dan tulisan. Kelemahan dalam membaca sering dikaitkan dengan kaedah





pengajaran tradisional seperti '*Chalk and Talk*' yang kurang menarik minat murid (Ganesh, 2021). Murid juga cenderung bergantung kepada sesi pembelajaran di sekolah tanpa inisiatif untuk membaca secara sendiri di rumah. Oleh itu, penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran menjadi semakin relevan dalam usaha meningkatkan minat dan penguasaan membaca dalam kalangan murid.

Perkembangan TMK membuka ruang kepada penggunaan bahan bacaan digital dalam pembelajaran. Kajian ini bertujuan membangunkan modul pengajaran interaktif berasaskan buku digital bagi meningkatkan penguasaan membaca dalam kalangan murid sekolah rendah Tamil. Pendekatan ini menggabungkan bahan bacaan digital dan fizikal bagi memastikan murid lebih berminat serta memperoleh pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna. Diharapkan, dengan pengenalan teknologi dalam pendidikan murid-murid SJKT dapat meningkatkan kemahiran membaca mereka dengan lebih efektif sekali gus membantu guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

1.3 Pernyataan masalah

Faida Rahim (2023) melaporkan bahawa lebih 170,000 murid sekolah di Malaysia tidak mahir membaca. Seramai 175,304 (13%) kanak-kanak di hujung usia persekolahan sekolah rendah di Malaysia dilaporkan tidak mahir membaca manakala 1.01 juta (5.03%) rakyat Malaysia masih tidak mempunyai kemahiran literasi. Laporan dari Mohammad Arif Nizam, 2024 menyatakan bahawa seramai 122,062 murid atau 27.24 peratus dikenal pasti belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) berdasarkan hasil



saringan pengesanan awal literasi dan numerasi terhadap 448,113 murid Tahun Satu. Penemuan yang diperoleh selepas pelaksanaan oleh KPM seawal tiga bulan selepas mereka mengikuti PdP sesi akademik 2024/2025 (Mohammad Arif Nizam, 2024). Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek mengalu-alukan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pelbagai pihak melakukan untuk menganalpasti masalah keciciran pelajaran. Berdasarkan kajian dibuat sebelum ini menunjukkan terdapat satu juta kanak-kanak di negara Malaysia berdepan dengan masalah keciciran literasi iaitu kanak-kanak kurang menguasai kemahiran 3M (Adli Effendy, 2023).

Laporan tersebut secara tersirat menunjukkan murid-murid Tahun Satu dari SJKT juga menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran membaca. Ini disebabkan operasi sekolah SJKT juga di bawah KPM. Hasil analisis dokumen oleh pengkaji terhadap tahap pencapaian kanak-kanak berumur enam tahun; murid-murid tahun satu hingga tahun enam dalam laporan PBD dalam menguasai kemahiran membaca membuktikan murid-murid menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran membaca pada akhir tahun 2024. Lebih membimbangkan lagi murid-murid tahun enam yang akan melangkah ke Sekolah Menengah masih menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran membaca. Jadual 1.1 dan 1.2 menunjukkan bahawa data analisis dokumen TP membaca dalam Pentaksiran Bilik Darjah PBD di prasekolah, Tahun Satu hingga Tahun Enam di SJKT Kulim Kedah. Pengkaji memilih SJKT Kulim disebabkan sekolah tersebut adalah sekolah Tamil yang mempunyai bilangan murid yang ramai dan tersenarai sekolah pertama besar dari segi bilangan murid di negeri Kedah.

Jadual 1.1

Analisis Dokumen Pentaksiran Bilik Darjah Kanak-Kanak Berumur Enam Tahun Dalam Menguasai Kemahiran Membaca

Jumlah Murid	Kemahiran Membaca	TP 1	TP 2	TP 3
25	Mengecam huruf dan membaca perkataan	13 (52%)	8 (32%)	4 (16%)
25	Membaca ayat	17 (68%)	7 (28%)	1 (4%)

Nota: TP – Tahap Penguasaan

Jadual 1.2

Laporan Analisis Dokumen Pentaksiran Bilik Darjah Murid-Murid Tahun Satu Hingga Tahun Enam Dalam Menguasai Kemahiran Membaca

Bil	Kategori	Jumlah Murid	TP 1	TP 2	TP 3	TP 4	TP 5	TP 6	TP1- TP3
1.	Murid Tahun 1	98	13 (13.2%)	24 (24.5%)	23 (23.5%)	34 (34.7%)	4 (4.1%)	- (0%)	60 (61.2%)
2.	Murid Tahun 2	98	- (0%)	14 (14.3%)	26 (26.5%)	27 (27.6%)	22 (22.4%)	9 (9.2%)	40 (40.8%)
3.	Murid Tahun 3	107	1 (0.9%)	12 (11.3%)	41 (38.3%)	32 (29.9%)	17 (15.9%)	4 (3.7%)	54 (50.5%)
4.	Murid Tahun 4	112	5 (4.5%)	14 (12.5%)	26 (23.2%)	56 (50.0%)	11 (9.8%)	- (0%)	45 (40.2%)
5.	Murid Tahun 5	97	- (0%)	3 (3.2%)	28 (28.9%)	26 (26.6%)	27 (27.8%)	13 (13.5%)	31 (32.0%)
6.	Murid Tahun 6	111	- (0%)	7 (6.4%)	22 (19.8%)	15 (13.5%)	38 (34.2%)	29 (26.1%)	29 (26.1%)

Nota: TP – Tahap Penguasaan

Dapatan analisis dokumen terhadap pencapaian kemahiran membaca oleh murid-murid SJKT Kulim menunjukkan bahawa terdapat murid-murid menghadapi masalah dalam membaca. Masalah ini harus diselesaikan seawalnya kerana murid-murid yang berumur sembilan tahun akan beralih ke Tahap Dua di Sekolah Rendah. Murid-murid yang tidak berupaya membaca dalam bahasa Tamil juga tidak berkemampuan untuk membaca



dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Hal ini kerana apabila seseorang menguasai bahasa Ibunda dengan betul mereka mempunyai kebolehan untuk menguasai bahasa dan matapelajaran-matapelajaran yang lain. Murid-murid Tahun Tiga yang belajar di SJKT menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran membaca dalam bahasa Tamil adalah kesinambungan ketika mereka belajar di Prasekolah dan Tahun Satu.

Masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah mendapat perhatian meluas (Adenan Ayob, 2017). Kekurangan kemahiran membaca turut menjejaskan usaha pihak sekolah dalam melahirkan murid yang berilmu pengetahuan (Yahya Othman, 2004). Di Malaysia, pendidikan literasi khususnya dalam bahasa Tamil, telah menjadi salah satu mata pelajaran penting di SJKT serta SK yang menawarkan pengajaran dalam bahasa tersebut. Matlamat utama pendidikan literasi ini adalah untuk membentuk masyarakat yang celik huruf dan berdaya saing ke hadapan (Khairuddin, 2011). Kemahiran membaca dalam kalangan murid SJKT memainkan peranan penting dalam meningkatkan tahap literasi di peringkat antarabangsa serta menyokong pelaksanaan program literasi yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia. Menurut para sarjana, murid-murid di SJKT berdepan dengan pelbagai cabaran dalam membaca termasuk kesukaran mengenali huruf, perkataan, frasa, serta ayat ringkas dan petikan pendek. Selain itu, mereka juga menghadapi masalah dalam mengenali huruf dengan betul, sebutan yang tidak tepat, kelancaran membaca yang lemah serta membaca perkataan tanpa mengikuti urutan huruf yang betul. Murid-murid juga cenderung membaca dengan perlahan, sukar memahami makna perkataan yang dibaca, tidak mengikut intonasi dan tanda baca dengan betul, serta mengalami ketakutan semasa membaca (Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM).





Murid-murid menghadapi masalah dalam membaca juga telah dibuktikan dalam pelbagai kajian. Di negara Malaysia, data kajian menunjukkan pencapaian kanak-kanak dalam kemahiran literasi awal masih berada pada tahap yang amat membimbangkan. Dalam kajian oleh Juppri (2016) menunjukkan tahap kemahiran literasi awal yang merangkumi komponen kesedaran terhadap fonologikal; pengetahuan tentang cetakan dan tulisan awal bagi kanak-kanak berumur dari empat tahun berada pada tahap yang sederhana. Naimah Yusoff (2011) pula mendapati tahap penguasaan konsep cetakan oleh kanak-kanak berumur dua tahun adalah lemah manakala kanak-kanak berumur tiga dan empat tahun adalah sederhana terutamanya dalam aspek penguasaan konsep abjad, perkataan dan ayat. Apabila masalah ini tidak dapat diberi perhatian sejak awal lagi, dibimbang mempengaruhi penguasaan kemahiran membaca dan menulis kanak-kanak di peringkat sekolah (Khairuddin Mohamad, 2011).



Veeraratchagi, (2021) dalam kajian yang meningkatkan kemahiran membaca beliau mengenal pasti murid-murid tahun tiga menghadapi masalah dalam menguasai sebutan yang betul terhadap huruf ஸ்- லா, ஓ- லா, ஔ- லா dengan menggunakan teknologi Kod QR. Ganesh (2021), menyatakan penggunaan Teknologi *Augmented Reality* (AR) mampu meningkatkan kemahiran membaca perkataan bahasa Tamil bagi murid Tahun empat. Kajian-kajian sebelum ini menggunakan gajet TMK mampu meningkatkan minat murid dalam membaca. Kajian-kajian yang mengkaji tentang beberapa huruf tamil ataupun salah satu komponen dalam bahasa kurang efektif dalam pendidikan bahasa Tamil disebabkan oleh bahasa Tamil mengandungi 247 perkataan yang masing-masing mempunyai sebutan yang berbeza.





Soroton literatur menunjukkan murid-murid menghadapi masalah dalam menguasai bahasa Tamil di peringkat Tahun Tiga disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktornya ialah guru-guru masih menggunakan bahan bacaan bercetak yang lama; terlalu bergantung pada buku teks; strategi dan teknik pengajaran yang tradisional iaitu *Chalk and Talk*; penggunaan modul bacaan tambahan yang kurang interaktif; tidak memfokuskan murid yang menghadapi masalah dalam membaca di dalam kelas dan sebagainya. Keadaan ini bertambah serius apabila guru pemulihan di dalam sesebuah sekolah menggunakan masa yang terlalu sedikit dalam memulihkan murid-murid yang menghadapi masalah dalam bahasa Tamil. Analisis dokumen oleh pengkaji dan soroton literatur menunjukkan bahawa masalah membaca oleh murid-murid dalam bacaan bahasa Tamil adalah kekal terdapat ketika murid-murid mula belajar di Sekolah Rendah. Masalah ini harus diselesaikan dahulu ketika murid-murid belajar di Tahun Tiga kerana mereka akan melangkah ke Tahap Dua.



Tabiat membaca murid-murid menerusi program NILAM adalah sangat membimbangkan serta berada pada tahap yang rendah (Noraien Mansor, 2017). Wan Zah Wan Ali et al., (2005) mengutarakan pendapat bahawa penambahbaikan dalam program NILAM perlu terus dilaksanakan dengan membaiki masalah membaca dikalangan murid secara awalnya. Akta Bahasa Kebangsaan (1963/1967) menyatakan pelaksanaan kegiatan yang dijalankan secara ekstensif di sekolah perlu dijalankan secara berterusan dan diinovasikan menggunakan pendekatan atau kaedah yang sesuai mampu mengeluarkan hasil yang amat baik untuk dijadikan amalan sepanjang hayat (Mikeladza, 2014; Wan Zah Wan Ali et al., 2005). Permasalahan sampingan kajian ini adalah kekurangan penggunaan





BBM yang bersesuaian untuk pembelajaran bahasa dalam kalangan murid-murid di sekolah rendah. Sumber bahan-bahan pembelajaran dalam kategori bahasa yang efektif perlu mempunyai imej visual yang tepat dan mampu menghuraikan hubung kait dengan konsep yang dipelajari oleh murid-murid (Sani, 2023).

Inovasi didefinisikan sebagai memperkenalkan sesuatu yang baharu dalam pendidikan mampu mengatasi masalah membaca dengan teliti (Adenan Ayob et al, 2012). Komputer dan telefon bimbit boleh membantu murid-murid dalam komunikasi digital dan maya. Adenan Ayob, 2017 menegaskan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar dalam bentuk teknologi maklumat dan komunikasi mampu menarik minat untuk terus belajar. Dalam bidang pendidikan pula, komputer dan telefon bimbit menjadi alat pengajaran dan pembelajaran yang sangat diperlukan dalam inovasi pendidikan (Hashmain, Jam dan Narki, 2014). Menurut pandangan pakar murid-murid dikatakan mempunyai kecekapan dan prestasi semula jadi (James McMillan, 2010). Penggunaan bahan-bahan digital mampu meningkatkan penglibatan murid-murid dalam proses pembelajaran aktif dan meningkatkan keyakinan diri mereka (Bourbour dan Bjorklund, 2014). Angela dan Yen (2015) berpendapat bahan-bahan digital mampu membantu guru-guru untuk menggunakan sebagai medium pengajaran yang efektif lalu mengurangkan masa dalam membina bahan bantu mengajar. Malkawi (2017) menyatakan bahawa penggunaan teknologi seperti buku digital membantu murid-murid untuk mencapai keputusan peperiksaan dan pembelajaran yang lebih baik. Modul Literasi Bacaan Digital yang interaktif ini dapat meningkatkan minat murid Tahun Tiga dalam memantapkan lagi kemahiran membaca. Modul Literasi Bacaan Digital bahasa Tamil menjadi panduan dan bimbingan kepada murid Tahun Tiga



secara komperensif dalam menjalankan kegiatan membaca yang berkesan di luar dan dalam bilik darjah serta dirumah kerana modul ini merangkumi kesemua komponen bacaan dalam bahasa iaitu sebutan dan cara bacaan yang betul dalam huruf, perkataan, frasa, ayat, petikan dan pemahaman.

1.4 Objektif kajian

Pendekatan *Design and Development* (DDR) telah digunakan dalam kajian ini. Pendekatan ini digunakan mengikut fasa-fasa dalam kajian bagi memudahkan menyelesaikan masalah yang dikaji. Oleh yang demikian, terdapat tiga fasa yang merangkumi objektif yang berbeza. Setiap objektif utama untuk menjawab persoalan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teknologi buku digital yang interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan kemahiran membaca dikalangan murid-murid Tahun Tiga di SJKT secara kandungannya komperensif. Objektif kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian berlandaskan dengan tiga fasa kajian. Antaranya;

1.4.1 Fasa 1: Analisis keperluan

1. Mengenal pasti analisis keperluan guru Bahasa Tamil dalam mengatasi masalah pembelajaran literasi bacaan dalam kalangan murid Tahun Tiga SJKT.
2. Mengenal pasti tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap penggunaan modul bacaan buku digital dalam meningkatkan kemahiran membaca bagi murid Tahun Tiga di SJKT.

1.4.2 Fasa 2: Reka bentuk dan pembangunan

1. Mereka bentuk dan membangunkan modul bacaan berasaskan teknologi Buku Digital berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi.

1.4.3 Fasa 3: Penilaian

1. Menentukan tahap kegunaan modul buku digital melalui penilaian panel bahasa Tamil Tahun Tiga di SJKT.
2. Meninjau sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap membaca murid-murid Tahun Tiga selepas menggunakan Modul Literasi Bacaan Digital Bahasa Tamil.
3. Menentukan skor kecepatan efektif membaca murid Tahun Tiga selepas menggunakan Modul Literasi Bacaan Digital Bahasa Tamil.



1.5 Persoalan Kajian

Antara soalan kajian dalam kajian ini adalah seperti berikut;

1.5.1 Fasa 1: Analisis keperluan

1. Sejauhmanakah pembangunan modul bacaan digital dapat memenuhi keperluan guru bahasa Tamil dalam mengatasi literasi bacaan dalam kalangan murid Tahun Tiga di SJKT?
2. Apakah tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap penggunaan modul bacaan buku digital dalam meningkatkan kemahiran membaca bagi murid Tahun Tiga di SJKT?



1.5.2 Fasa 2: Reka bentuk dan pembangunan

1. Bagaimanakah reka bentuk modul bacaan berasaskan teknologi Buku Digital berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi?
2. Bagaimanakah pembangunan modul bacaan berasaskan teknologi Buku Digital berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi?



1.5.3 Fasa 3: Penilaian

1. Apakah tahap kegunaan modul buku digital melalui penilaian panel bahasa Tamil Tahun Tiga di SJKT?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap membaca murid-murid Tahun Tiga selepas menggunakan Modul Literasi Bacaan Digital bahasa Tamil?
3. Apakah skor kecepatan efektif membaca murid Tahun Tiga selepas menggunakan Modul Literasi Bacaan Digital bahasa Tamil?

1.6 Hipotesis kajian

Antara hipotesis kajian dalam kajian ini adalah seperti berikut;

- H_0 Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap membaca murid-murid Tahun Tiga selepas menggunakan Modul Literasi Bacaan Digital bahasa Tamil.
- H_1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap membaca murid-murid Tahun Tiga selepas menggunakan Modul Literasi Bacaan Digital bahasa Tamil.
- H_0 Terdapat peningkatan skor terhadap kecepatan efektif membaca murid Tahun Tiga selepas menggunakan Modul Literasi Bacaan Digital bahasa Tamil.



H₁ Tidak terdapat peningkatan skor terhadap kecepatan efektif membaca murid tahun Tiga selepas menggunakan Modul Literasi Bacaan Digital bahasa Tamil.

1.7 Kepentingan kajian

Kemahiran membaca merupakan aspek penting dalam perkembangan akademik murid terutamanya di peringkat sekolah rendah. Walau bagaimanapun, masih terdapat murid yang menghadapi kesukaran dalam membaca terutamanya dalam mengenali huruf, sebutan yang betul, kelancaran bacaan serta pemahaman terhadap teks yang dibaca. Bagi mengatasi masalah ini, penggunaan bahan bacaan digital interaktif telah diperkenalkan sebagai satu pendekatan inovatif dalam PdP. Teknologi ini menggabungkan elemen multimedia seperti teks, grafik, audio, video dan animasi untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan (Suppiah, 2021). Kajian ini bertujuan untuk menilai kepentingan penggunaan bahan bacaan digital dalam membantu meningkatkan kemahiran membaca murid serta memberikan impak kepada guru, sekolah, ibu bapa dan KPM dalam usaha memperkasakan literasi membaca di kalangan murid.

1.7.1 Kepentingan Kepada Murid

Kajian ini memberikan manfaat besar kepada murid dalam meningkatkan kemahiran membaca khususnya dalam Bahasa Tamil. Penggunaan Modul Literasi Bacaan Digital membantu murid mengenali huruf, perkataan, frasa, ayat dan petikan dengan lebih lancar serta sebutan dan intonasi yang betul. Selain itu, pembelajaran menggunakan buku digital





interaktif meningkatkan keyakinan diri mereka untuk membaca dengan lebih baik dan berkomunikasi secara lebih efektif. Di samping itu, pembelajaran digital yang interaktif menggalakkan murid untuk lebih berminat terhadap aktiviti membaca. Kaedah ini juga menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan, mengurangkan tekanan dalam memahami bacaan, dan membantu murid berfikir secara lebih analitikal, kritis serta kreatif. Persekitaran pembelajaran yang lebih dinamik ini mampu meningkatkan daya tumpuan murid terhadap pelajaran (Suppiah, 2021).

1.7.2 Kepentingan Kepada Guru

Bagi guru, kajian ini memberikan pelbagai manfaat dalam proses PdP. Dengan adanya Modul Literasi Bacaan Digital guru dapat mengajar kemahiran membaca dengan lebih berkesan menggunakan pendekatan yang lebih inovatif dan menarik. Teknologi digital ini juga membantu guru dalam mengenal pasti tahap kecekapan membaca murid serta menyediakan bimbingan yang lebih berfokus kepada murid yang menghadapi kesukaran membaca. Selain itu, penggunaan teknologi dalam pendidikan memudahkan guru menyampaikan pengajaran secara lebih sistematik dan menarik minat murid untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Guru juga dapat mengurangkan beban kerja dalam penyediaan bahan pembelajaran kerana kandungan digital interaktif telah disusun dengan baik dan boleh digunakan secara berulang dalam pelbagai sesi pembelajaran.





1.7.3 Kepentingan Kepada Sekolah

Kajian ini memberi manfaat kepada sekolah dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan khususnya dalam bidang literasi membaca. Dengan pengintegrasian teknologi buku digital dalam pengajaran dan pembelajaran sekolah dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih moden dan selaras dengan perkembangan pendidikan global. Selain itu, penggunaan Modul Literasi Bacaan Digital interaktif ini membantu sekolah meningkatkan prestasi murid dalam bidang membaca sekaligus memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik keseluruhan. Apabila murid mempunyai asas literasi yang kukuh mereka lebih mudah menguasai mata pelajaran lain yang diajar dalam bahasa Tamil, seperti matematik, sains, pendidikan seni visual dan lain-lain.



1.7.4 Kepentingan Kepada Ibu Bapa

Kajian ini turut memberi kesan positif kepada ibu bapa dalam membantu anak-anak mereka menguasai kemahiran membaca. Dengan adanya Modul Literasi Bacaan Digital, ibu bapa dapat memainkan peranan lebih aktif dalam membimbing anak-anak mereka membaca di rumah terutama pada waktu cuti sekolah. Bahan digital interaktif ini juga membolehkan ibu bapa memantau perkembangan bacaan anak-anak dengan lebih mudah. Selain itu, penggunaan buku digital di rumah membantu mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan mengukuhkan hubungan antara ibu bapa dan anak melalui aktiviti membaca bersama.



1.7.5 Kepentingan Kepada KPM


Kajian ini menyumbang kepada usaha KPM dalam meningkatkan tahap literasi membaca dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Penggunaan teknologi buku digital dalam pendidikan membantu memperkukuhkan sistem pendidikan negara dengan memperkenalkan kaedah pengajaran yang lebih moden dan interaktif. Selain itu, kajian ini juga membantu negara dalam mencapai matlamat SDG4 (*Sustainable Development Goal* 4) yang menekankan kepentingan pembelajaran sepanjang hayat (UNESCO, 2022). Dengan peningkatan tahap literasi membaca melalui penggunaan teknologi digital Malaysia berpotensi meningkatkan pencapaian dalam ujian PISA dan menjayakan Program Galakan Membaca serta program NILAM di sekolah-sekolah. Penggunaan bahan bacaan digital interaktif ini juga menjadi satu langkah strategik bagi KPM dalam memperkukuhkan dasar pendidikan literasi negara serta memastikan keberkesanan kurikulum dalam membantu murid menguasai kemahiran membaca secara menyeluruh.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa penggunaan bahan bacaan digital interaktif memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran membaca murid. Pengintegrasian teknologi dalam pengajaran bukan sahaja membantu murid menguasai asas literasi dengan lebih baik malah turut memudahkan guru dalam penyampaian pembelajaran yang lebih efektif. Selain itu, ibu bapa dapat terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran anak-anak manakala sekolah dan KPM dapat memanfaatkan teknologi ini untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara. Dengan adanya bahan bacaan digital yang interaktif murid dapat belajar dalam suasana yang lebih

menyeronokkan, meningkatkan keyakinan diri serta membentuk minat membaca secara berterusan. Kajian ini juga selaras dengan matlamat pembangunan pendidikan global, seperti SDG4 dalam memastikan setiap murid mendapat peluang pembelajaran sepanjang hayat yang berkualiti dan inklusif. Oleh itu, penggunaan Modul Literasi Bacaan Digital terus diperkukuhkan bagi memastikan generasi masa depan lebih celik literasi dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

1.8 Kerangka Teori

Kerangka teori dalam kajian ini menjadi panduan kepada pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran ini. Terdapat empat teori dan sebuah Kurikulum Standard berkaitan strategi pengajaran dan pembelajaran yang telah digunakan dalam membangunkan modul bacaan literasi digital yang interaktif ini. Teori bacaan *Bottom-Up* yang menjadi panduan utama untuk membina modul bacaan digital dengan menetapkan kontruk dari unit yang kecil ke unit yang besar. *Dual-Coding Theory* oleh Paivio (1971) yang menetapkan dua kod iaitu kod verbal atau lisan dan kod gambaran visual. Penerapan kedua-dua kod ini pembangunan modul ini dapat membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca sekaligus mewujudkan satu konsep yang berkaitan dengan pembacaan murid-murid ataupun meningkatkan pemahaman mereka terhadap apa yang mereka membaca. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori dalam kajian ini.

Rajah 1.1*Kerangka Teoritikal Kajian.*

Jadual 1.3 di bawah menunjukkan cara pengaplikasian teori-teori oleh pengkaji dalam kajian ini.

Jadual 1.3

Pembahagian Teori dan Kurikulum Yang Digunakan Dalam Pembentukan dan Pelaksanaan Modul Literasi Bacaan Digital

Teori / Kurikulum	Tumpuan
Teori Bacaan <i>Bottom - Up</i>	Merangka kandungan dalam modul yang mengandungi enam Konstruk.
Teori Konstruktisme	Menyokong kajian untuk meningkatkan minat murid untuk belajar sendiri.
Teori Pembelajaran Kognitif Multimedia	Membolehkan murid-murid belajar dengan multimedia dengan menggunakan deria mata dan telinga.
Teori <i>Dual-Coding</i>	Membentuk huruf, perkataan, frasa, ayat dan petikan dalam bentuk visual dan perkataan.
KSSR Bahasa Tamil Tahap Satu (Kemahiran Membaca)	Menjadi bahan sokongan kepada pembentukan kandungan modul kepada murid-murid Tahun Tiga.

Tambahan pula, pembangunan modul ini juga berasaskan dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah bagi matapelajaran bahasa Tamil Tahap Satu yang mengkaji tentang kandungan yang terdapat dalam kemahiran membaca berdasarkan standard pembelajaran. Selain itu, pengkaji menjelaskan berkaitan dengan teknologi Buku Digital melalui *Book Creator* sebagai pemboleh ubah bebas di dalam kajian ini yang memberi kesan kepada penguasaan kemahiran membaca murid-murid di Tahun Tiga yang belajar bahasa Tamil. Pengkaji juga menjelaskan tentang kemahiran membaca murid-murid dan



juga huraian berkaitan dapatan kajian yang menyokong penggunaan Modul Literasi Bacaan Digital yang interaktif dalam pendidikan.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk membangunkan modul bacaan berbentuk buku digital dengan menggunakan salah satu web program iaitu *Book Creator*. Dalam kajian ini pengkaji hanya berfokus kepada murid-murid Tahun Tiga yang belajar bahasa Tamil di SJKT sahaja. Namun murid-murid Tahun Satu dan Tahun Dua boleh merujuk Modul Literasi Bacaan Digital ini apabila mereka memerlukan bantuan kerana kandungan modul ini juga berasaskan daripada Tahun Satu dan Tahun Dua juga. Walaupun mata pelajaran bahasa Tamil diajar di Sekolah Kebangsaan sebagai mata pelajaran elektif namun pengkaji menetapkan murid-murid Tahun Tiga yang berumur sembilan tahun dimana belajar di SJKT sahaja. Murid-murid di Sekolah Kebangsaan yang mengambil matapelajaran bahasa Tamil digalakan juga boleh menggunakan modul ini. Walaupun kandungan modul ini berasaskan Tahap Satu namun pengkaji mengambil murid-murid Tahun Tiga sebagai sampel kajian dan juga kemahiran membaca daripada kurikulum Tahun Tiga. Tambahan pula, pengkaji menumpukan guru-guru yang mengajar bahasa Tamil di SJKT khususnya guru bahasa Tamil Tahun Tiga sebagai responden kajian.

Pengkaji hanya menumpukan kajian ini dijalankan di Zon Utara Malaysia yang mengandungi negeri-negeri seperti Perlis, Perak, Kedah dan Pulau Pinang. Oleh kerana,





masalah membaca dikenalpasti di setiap negeri di Semenanjung Malaysia pengkaji menumpukan Zon di Malaysia yang mengandungi bilangan sekolah yang banyak. Dapatan pengkaji menunjukkan jumlah sekolah SJKT dapat dikenalpasti di Zon Utara Malaysia membolehkan pengkaji dapat menerokoi masalah membaca wujud di kawasan tersebut. Data yang diperolehi boleh digeneralisasikan kepada Zon yang lain kerana kesemua sekolah di Malaysia mengamalkan sukatan yang sama. Tambahan pula, latihan yang diterima oleh guru-guru di Institusi Pendidikan Guru Malaysia adalah sama. Oleh itu, dapatan kajian yang diperolehi di Zon Utara boleh digunakan untuk mengatasi masalah membaca di negeri-negeri Zon lain.



Dalam pembentukan Modul Literasi Bacaan Digital yang interaktif pengkaji kajian menggunakan sukatan kurikulum bahasa Tamil. Kandungan yang terkandung dalam sukatan tersebut seperti huruf, perkataan, frasa, ayat ringkas dan petikan ringkas diambil dan dimodifikasikan dalam bentuk digital supaya murid-murid lebih berminat untuk belajar. Tambahan pula, pengkaji tidak menggunakan huruf, perkataan, frasa, ayat dan petikan ringkas yang susah dan sukar difahami oleh murid-murid Tahun Tiga. Pengkaji menetapkan perkataan bahasa Tamil yang mengandungi bilangan satu hingga enam gabungan huruf. Bagi ayat pula pengkaji menggunakan ayat yang mengandungi bilangan perkataan antara dua hingga enam sahaja bagi memudahkan murid untuk senang membaca.

Pengkaji hanya menumpukan kemahiran membaca dalam Tahun Tiga. Dalam kurikulum bahasa Tamil Tahun Tiga mengandungi kemahiran-kemahiran seperti kemahiran membaca, kemahiran bertutur, kemahiran mendengar dan kemahiran menulis.



Pengkaji kajian ini memberi fokus pada kemahiran membaca sahaja tanpa melibatkan kemahiran lain. Namun, murid-murid juga menggunakan kemahiran mendengar apabila mendengar audio dan video. Murid-murid juga menggunakan kemahiran menulis dan kemahiran bertutur ketika menjawab soalan pra dan pasca. Jadi, kemahiran membaca merupakan kemahiran yang asas diberi penekanan oleh murid sepanjang kajian ini dijalankan.

Pakar yang terlibat dalam mereka dan membangunkan modul bacaan digital yang interaktif adalah kalangan pakar dalam bidang bahasa Tamil sahaja. Pakar-pakar yang dipilih adalah guru bahasa Tamil, pensyarah kanan bahasa Tamil, pengubal kurikulum bahasa Tamil yang mempunyai pengalaman dalam bidangnya sekurang-kurangnya melebihi lima tahun. Pengkaji tidak melantik pakar dari bidang yang berlainan bagi membantu dalam mereka bentuk modul. Pengkaji hanya melantik seorang pensyarah kanan dalam bidang teknologi pendidikan bagi membantu dalam pembinaan modul yang berbentuk dalam digital.

Oleh kerana, beberapa sarjana berhujah fasa-fasa dalam kajian reka bentuk pembangunan (*Design and Development Research*) mengandungi bilangan fasa yang melebihi tiga fasa, dalam kajian ini pengkaji telah mengambil tiga fasa iaitu analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan dan terakhirnya fasa penilaian. Sesetengah kajian memisahkan fasa kedua iaitu reka bentuk dan pembangunan kepada dua fasa yang berasingan. Dalam kajian ini pengkaji menyatukan supaya menjadikan satu fasa sahaja seperti yang disarankan oleh Richey dan Klein, 2007. Pengkaji menggunakan model

ADDIE sebagai panduan kepada pembinaan modul digital dan ia adalah mengikut prosedur pendekatan kajian DDR secara sistematik.

1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Mengikut Sufean (2016) mendefinisikan kerangka konseptual kajian dianggap sebagai langkah pertama dalam menjalankan sesuatu kajian menerusi idea yang wujud daripada pemikiran pengkaji. Kerangka konseptual kajian berperanan tersendiri dimana dianggap sebagai peta ringkas mengubungkaitkan pembolehubah dengan penemuan yang secara empirikal. Kerangka konseptual kajian memberikan suatu gambaran yang menyeluruh yang lebih mendalam berkaitan hubungan antara pembolehubah- pembolehubah yang berkaitan dengan teori yang dimasukkan dalam kajian. Kerangka konseptual kajian juga menjadi sumber panduan kepada pengkaji dalam meneliti elemen dan konsep yang terlibat dalam kajian.

Pembaca yang membaca sesuatu kajian mudah memahami proses sesuatu kajian menerusi rajah yang mempunyai penerangan visual yang terperinci. Kerangka konseptual kajian berperanan sebagai panduan dalam mencapai objektif kajian menerusi dapatan kajian. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang menjelaskan tentang proses pelaksanaan kajian sehingga terbentuknya sebuah modul bacaan yang interaktif dalam bentuk buku digital. Pengkaji kajian ini menggunakan web program *Book Creator* dalam menghasilkan buku digital yang mengandungi unsur-unsur interaktif seperti audio,




video, gambar, peta I Think, animasi dan unsur mainan membolehkan murid-murid Tahun Tiga berminat dalam menggunakan buku bacaan digital ini.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan dua model iaitu model *Bottom Up* dan model ADDIE. Model *Bottom Up* digunakan sebagai panduan dalam menetapkan kandungan modul secara berperingkat-peringkat. Model ADDIE digunakan sebagai tunjuk cara mengikut fasa-fasa secara terperinci dalam kajian reka bentuk dan pembangunan. Dalam model ADDIE yang mengandungi lima fasa iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian yang menjadi panduan dalam pelaksanaan kajian ini. Pengkaji kajian menetapkan komponen utama seperti objektif, kandungan, bahan bantuan strategi dan penilaian sehingga modul bacaan digital yang interaktif dibentuk.



Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa teori dalam menghasilkan modul dan juga bagi proses PdP. Teori bacaan *bottom-up* menjadi rangka dalam pembentukan modul dan diikuti dengan teori *dual-coding*, teori konstruktivisme, teori pembelajaran kognitif multimedia yang menjadi panduan dalam buku digital ini. Semasa pembentukan modul pengkaji turut memberikan tumpuan kepada gambar, warna, huruf yang bersesuaian kepada murid berdasarkan sorotan literature. Unsur ini penting untuk menepati elemen-elemen yang perlu ada dalam sesuatu bahan pengajaran dan pembelajaran supaya ianya efektif untuk digunakan.



Rajah 1.2*Kerangka Konseptual Kajian.*



Selepas penghasilan modul dalam bentuk buku digital harus melalui proses PdP bagi mendapat tahu kebolegunaan dan juga keberkesanan modul bacaan ini. Dokumen Pentaksiran KSSR Bahasa Tamil Tahap Satu digunakan oleh pengkaji untuk menepati kemahiran-kemahiran bacaan dan kandungan dalam bahasa Tamil. Menerusi dokumen pentaksiran KSSR Bahasa Tamil juga pengkaji membentuk ujian pra dan ujian pasca yang bertumpu kepada menyebut huruf, membaca dengan sebutan betul, memahami selepas membaca, membaca dengan cepat, intonasi, sebutan dan tanda bacaan dengan betul dan menjawab soalan pemahaman. Elemen-elemen dalam ujian ini ditetapkan selepas menganalisis dokumen pentaksiran KSSR Bahasa Tamil Tahap Satu dan sorotan kajian daripada dalam dan luar negara yang dapat meningkatkan literasi bacaan murid-murid Tahun Tiga selepas menggunakan buku digital yang interaktif.



1.11 Sumber Kajian

Dalam kajian ini, pengaji menggunakan dua sumber kajian dalam menjalankan penyelidikan ini. Pengkaji menggunakan sumber primer dan sumber sekunder untuk mengendalikan kajian ini.

1.11.1 Sumber Primer

Sumber data ataupun maklumat asas dalam sesebuah kajian merupakan sumber primer dalam kajian. Sumber primer atau sumber utama adalah data atau maklumat yang didapati secara langsung melalui dapatan kajian (Abdul Halim Ali, 2019). Oleh sebab, kajian ini adalah kajian lapangan, pengkaji menjalankan kajian rintis di salah sebuah





sekolah Tamil di Zon Utara Malaysia yang melibatkan 30 orang murid untuk data kajian bagi menentukan kebolehpercayaan. Tambahan pula, kajian ini dilaksanakan dalam dua aspek, iaitu melalui ujian pra dan pasca.

1.11.2 Sumber Sekunder

Bahan bacaan daripada perpustakaan dan internet dijadikan sebagai sumber sekunder dalam kajian ini. Pengkaji mengunjungi beberapa buah Universiti Tempatan Awam untuk mendapatkan buku, e-prosiding, buku rujukan, buku ilmiah, jurnal, tesis, disertasi, kertas kerja, artikel dan laporan yang berkaitan analisis dalam pendidikan di Malaysia. Disamping itu, pengkaji turut menganalisis sukatan kurikulum dan buku teks bahasa Tamil Tahap Satu bagi SJKT untuk memperolehi kandungan yang perlu dimasukkan dalam modul digital yang dibangunkan.



1.12 Definisi Operasional

Definisi operasional yang merujuk kepada istilah-istilah yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Berikut merupakan istilah yang digunakan dalam kajian ini.

1.12.1 Buku Digital

Buku digital atau dikenal dengan istilah *eBook* merupakan satu jenis informasi yang berisi gambar, teks, video atau audio yang dimuat secara digital sehingga boleh dapat





diakses menggunakan peralatan elektronik seperti telefon bimbit, komputer dan sebagainya.

1.12.2 Bahan Bacaan Interaktif Berasaskan Buku Digital *Book Creator*

Reka bentuk bahan bacaan interaktif berasaskan buku digital (*Book Creator*) ini adalah berasaskan integrasi dalam gambaran atau pembentukan atau *mapping* minda. *Book Creator* ialah alat digital yang membolehkan guru dan pelajar mencipta dan membaca buku digital. Ia adalah alat yang ideal untuk meningkatkan penglibatan guru dan pelajar melalui penciptaan cerita dan reka bentuk multimedia. *Book Creator* ialah satu alat dengan cara paling mudah dan paling inklusif untuk mencipta kandungan dalam bilik darjah. *Book Creator* membolehkan pendidik dan pelajar mereka mencipta e-book multimedia berdasarkan tugasan dan topik dalam kelas. Integrasi bersandarkan elemen asas multimedia linear, iaitu grafik, teks, video, animasi audio dan mainan (Wu, Hwang, Millard, Ke dan Huang, 2012).

Sebagai unsur tunggal dalam multimedia interaktif dalam bentuk buku yang terdapat kesemua elemen asas telah diintegrasikan. Bahan ini yang ada pada asalnya atau dalam bentuk sedia ada berupa buku digital sahaja. Proses selanjutnya adalah dengan mencerapkan kandungan bacaan menerusi integrasi elemen multimedia interaktif berasaskan buku digital (Rose, 2011, Chang, 2011). Proses kefahaman membaca turut dikombinasikan dengan variasi ilustrasi seperti grafik. Konteks integrasi yang dioperasikan adalah untuk penjanaan proses berfikir secara kritis dan kreatif oleh murid-murid (Wu, Hwang, Millard, Ke dan Huang, 2012).





1.12.3 Bahan Bacaan Konvensional

Buku teks merupakan bahan bacaan konvensional yang digunakan dalam kajian ini. Bahan ini digunakan oleh murid dan guru secara tradisional dan manual untuk proses kefahaman membaca.

1.12.4 Literasi

Melalui literasi bacaan, murid-murid dapat untuk berkomunikasi, mengira, mentafsir, melakukan sesuatu, memahami dan mengenal pasti dengan menggunakan bahan bacaan bercetak dalam fizikal dan digital. Literasi yang efektif dapat dicapai melalui pelaksanaan aktiviti yang berkualiti, usaha, pemantauan secara berterusan dan penambahbaikan program seperti penghasilan modul bacaan literasi digital Bahasa Tamil yang dapat membantu murid untuk mengatasi masalah dalam bacaan sambil meningkatkan minat murid dalam bacaan dengan betul.

1.12.5 Modul

Modul adalah bahan rujukan pembelajaran yang digunakan bagi bacaan bahasa Tamil Tahun Tiga dan dibangunkan berdasarkan sukatan yang telah ditetapkan Bahagian Pembangunan Kurikulum kepada peringkat di sekolah. Modul yang dibangunkan menjadi sumber rujukan utama dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran disamping digunakan secara kaedah bersemuka di dalam dan luar bilik darjah. Terdapat juga modul yang bersifat sendiri dimana dengan mengikuti modul tersebut murid-murid mampu menguasai pengetahuan dan kemahiran tertentu tanpa atau dengan bantuan





minimum oleh guru. Dalam kajian ini pengkaji telah namakan modul iaitu MoLBaD (Mo – Modul, L – Literasi, Ba – Bacaan, D – Digital). Pengkaji menamakan modul bacaan dengan bertajuk “*வாசிப்போம் வாரீர்*”.

1.12.6 Negeri Di Malaysia Mengikut Zon

Negeri-negeri dan wilayah-wilayah di Malaysia dibahagikan kepada lima Zon mengikut negeri-negeri yang berdekatan. Zon-zon di Malaysia di namakan sebagai Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Timur dan Zon SQL. Negeri Perlis, Kedah Pulau Pinang dan Perak dibawah Zon Utara; negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dibawah Zon Tengah; Negeri Sembilan, Melaka dan Johor dibawah Zon Selatan; Negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu dibawah Zon Timur; dan di Zon SQL terkandung Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pengkaji mengambil Zon Utara dalam kajian ini kerana Zon Utara mempunyai bilangan sekolah Tamil yang banyak dan data kajian boleh digeneralisasikan kepada Zon yang lain di Malaysia.

1.13 Kesimpulan

Kajian pembangunan modul literasi bacaan digital yang bersifat interaktif ini amat penting bagi membantu murid SJKT mendekati serta memahami pelbagai bahan bacaan dengan bantuan teknologi digital yang inovatif. Modul ini bukan sahaja menyediakan bahan bacaan yang menarik dan interaktif tetapi juga dilengkapi dengan elemen multimedia seperti audio, video dan animasi bagi meningkatkan pengalaman pembelajaran murid. Penguasaan dalam mengaplikasikan pelbagai bahan daripada





sumber yang berbeza dapat menyokong proses pembelajaran, meningkatkan pengetahuan am dan membantu murid mengikuti perkembangan semasa dengan lebih berkesan.

Selain itu, modul ini juga berperanan dalam meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dengan menyediakan aktiviti interaktif yang mendorong pemikiran kritis, analisis, dan penyelesaian masalah. Usaha ini juga bertujuan untuk memupuk minat serta tabiat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia, sekali gus merealisasikan agenda negara dalam memperkasakan budaya membaca. Dengan adanya modul ini, diharapkan tahap literasi digital dan kecekapan membaca murid dapat dipertingkatkan selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21 yang menekankan kemahiran teknologi dan literasi maklumat sebagai asas kecemerlangan akademik dan pembangunan modal insan negara.

